

20/03/2004

Pak Lah minta pemilih atas pagar tunai tanggungjawab

Azman Mahmood; Mohamad Sahidi Yusof

TANAH MERAH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap pengundi atas pagar tidak selama-lamanya berkeadaan sedemikian kerana walaupun satu undi ia amat penting untuk menunaikan hak bagi menentukan kerajaan yang dipilih.

Perdana Menteri berkata, golongan itu perlu menunjukkan sikap lebih bertanggungjawab dan mengundi bagi menjayakan demokrasi di negara ini.

"Bila tiba masanya kita nak membuat penentuan yang penting iaitu (memilih) kerajaan yang kita mahu, parti mana yang kita mahu untuk menubuhkan kerajaan.

"Maka kita mesti ambil bahagian dan kita turut mengundi kerana tiap-tiap undi itu penting. Jangan anggap undi satu tidak boleh membawa perubahan, undi kita satu dan kaum lain pun mengundi juga.

"Jadi inilah tugas dan tanggungjawab rakyat yang amat penting sekali kerana kita patut bersyukur kita boleh menentukan kerajaan yang kita mahu," katanya selepas berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di padang perumahan JPN, Kemahang di sini, petang semalam.

Lebih 10,000 hadir pada majlis itu yang turut disertai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed.

Perdana Menteri berkata, di negara lain rakyat tidak dapat menunaikan hak mereka untuk memilih, terpaksa berdepan dengan rusuhan, tetapi di negara ini semua itu tidak berlaku kerana Malaysia aman.

"Kita sudah ada peluang itu (hak mengundi). Gunakan sebaik-baiknya," katanya.

Ditanya kemungkinan peratusan keluar mengundi rendah, beliau tidak menafikan kebimbangan mengenai perkara itu kerana ia boleh merugikan hak rakyat untuk menunaikan tanggungjawab pada pilihan raya bagi menentukan kerajaan pilihan mereka.

"Inilah yang saya bimbang, sebab itulah berkali-kali saya katakan rakyat keluar mengundi, melaksanakan hak mereka untuk menentukan kerajaan yang dikehendaki," katanya. Terdahulu ketika berucap, Perdana Menteri berkata, beliau menyedari apa yang diwarisinya daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dari segi pembangunan dan kerajaan, mesti diurus supaya lebih baik lagi pada masa depan.

Sebab itu, katanya, rakyat perlu bersama menjaga dan mengurus kejayaan yang dicapai kerajaan.

"Kejayaan mesti diuruskan kalau kita mahu berjaya lagi... kekayaan mesti diuruskan kalau kita mahu kaya lagi.

"Saya memahami siapalah saya ini, kalau seorang saja tidak mungkin saya menjadi PM (Perdana Menteri), kalau tidak ada sokongan daripada kawan dan pengundi di kawasan saya.

"Saya bukan orang kaya, bapa dan datuk saya hanya guru agama, walaupun mereka gigih berjuang dalam politik, tetapi ditakdirkan saya ada pula tugas dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan.

"Saya mahu laksanakan dengan amanah. Amanah itu penting untuk saya. Sokongan rakyat, undi rakyat yang diberikan kepada saya adalah amanah yang mesti saya laksanakan dengan baik. Inilah pegangan saya," katanya.